



Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development

GARIS PANDUAN

KELAYAKAN BROKER

FRANCAIS ATAU KONSULTAN

FRANCAIS

SISTEM FRANCAIS

FRANCHISE SYSTEM

GARIS PANDUAN KELAYAKAN BROKER FRANCAIS ATAU KONSULTAN FRANCAIS

1.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk memberikan panduan yang jelas dari segi syarat-syarat kelayakan broker francais atau konsultan francais kepada semua penggiat dalam industri francais.

2.0 OBJEKTIF

Objektif pengenalan garis panduan syarat kelayakan broker francais atau konsultan francais ini adalah untuk:

- 2.1 Memastikan hanya broker francais atau konsultan francais yang berkelayakan sahaja menjalankan perniagaan sebagai ejen atau wakil mana-mana francaisor untuk menjual francais;
- 2.2 Memastikan hanya broker francais atau konsultan francais yang memenuhi syarat kelayakan didaftarkan sebagai broker francais dibawah Akta Francais 1998 (Pindaan) 2020; dan
- 2.3 Memastikan broker yang berdaftar mematuhi semua peruntukan di dalam Akta Francais 1998 (Pindaan) 2020.

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1. Keperluan untuk mewujudkan garis panduan kelayakan broker francais atau konsultan francais timbul disebabkan faktor-faktor berikut:

3.1.1 Akta Francais 1998 merupakan akta yang bertanggungjawab untuk mengawal selia industri francais Malaysia. Pada 2012, Akta Francais 1998 telah diluluskan pindaan dan ianya mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013. Melalui pindaan tersebut, beberapa seksyen telah dipinda selaras dengan peredaran semasa persekitaran industri francais yang mana termasuk dengan Seksyen 14 Akta Francais 1998 yang mewajibkan pendaftaran broker francais;

3.1.2 Di dalam Akta Francais 1998 (Pindaan) 2022, broker francais telah ditakrifkan sebagai seseorang yang menjalankan perniagaan sebagai ejen atau wakil kepada mana-mana francaisor untuk menjual francais kepada mana-mana orang dengan balasan yang tertentu tetapi tidak termasuk mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja francaisor atau francaisi.

Konsultan francais telah ditakrifkan sebagai seseorang yang diberi hak oleh francaisor untuk mensubfrancaiskan kepada orang lain, atas perbelanjaannya sendiri, francais kepunyaan francaisor itu;

3.1.3 Pendaftaran di bawah seksyen 14(5) ini hendaklah berkuat kuasa selama dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran, melainkan jika ditentukan selainnya oleh Pendaftar. Broker francais atau konsultan francais hendaklah memohon untuk membaharui pendaftaran

beserta dengan fi yang ditetapkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh tamat pendaftaran;

3.1.4 Di bawah Seksyen 14 pula mewajibkan pendaftaran broker francais atau konsultan francais dan kegagalan berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM10,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM25,000;

3.1.5 Selaras dengan pindaan terhadap Akta Francais 1998 dimana selepas ini semua broker francais atau konsultan francais perlu berdaftar di bawah Akta Francais 1998, garis panduan kelayakan broker francais atau konsultan francais ini akan menjadi panduan kepada semua individu yang menawarkan khidmat broker francais atau konsultan francais. Garis panduan ini akan memastikan hanya broker francais atau konsultan francais yang berkepercayaan, berkualiti dan tulen sahaja didaftarkan.

3.1.6 Melalui sistem *Malaysia Franchise Express 2.0* (MyFEX 2.0), broker francais atau konsultan francais akan membantu syarikat mengisi borang digital dan memuat naik beberapa dokumen tertentu sahaja seperti Dokumen Penzahiran, Sampel Perjanjian Francais, Manual Operasi dan Manual Latihan manakala maklumat dari dokumen sokongan yang lain seperti

Profail syarikat akan dijana melalui pangkalan data yang disambung dengan agensi-agensi berkaitan.

4.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BROKER FRANCAIS ATAU KONSULTAN FRANCAIS

4.1 Syarat kelayakan yang ditetapkan bagi tujuan pendaftaran konsultan francais di bawah Akta Francais 1998 boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

4.1.1 Individu; atau

4.1.2 Syarikat / firma guaman

4.2 Mana-mana individu yang berhasrat ingin menawarkan perkhidmatan sebagai broker francais atau konsultan francais mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

4.2.1 Individu tersebut mestilah warganegara Malaysia;

4.2.2 Individu tersebut mestilah berumur 21 tahun ke atas;

4.2.3 Kelayakan akademik peringkat ijazah atau diploma atau setara dalam bidang yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang berkaitan dengan pengurusan francais atau pengurusan perniagaan;

4.2.4 Mempunyai pengalaman dalam pengurusan francais atau dalam bidang yang berkaitan francais:-

- selama tidak kurang daripada 3 tahun bagi yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat ijazah sarjana muda atau yang setaraf dengannya;

- selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat diploma atau yang setaraf dengannya; atau
- selama tidak kurang daripada 20 tahun dengan 10 tahun pengalaman di peringkat eksekutif; dan

4.2.5 Bebas daripada kesalahan jenayah;

4.2.6 Tidak diisytiharkan bankrup;

4.2.7 Individu tersebut telah memperolehi dokumen kebenaran / perjanjian daripada francaisor yang telah berdaftar di bawah Akta francais 1998 untuk menjadi ejen atau wakil kepada francaisor tersebut (yang berdaftar di bawah Akta Francais 1998); dan

4.2.8 Dokumen kebenaran / perjanjian untuk menjalankan perkhidmatan sebagai broker telah disahkan oleh pesuruhjaya sumpah dan telah dimatikan setem;

4.2.9 Individu tersebut juga telah menghadiri kursus-kursus **WAJIB** francais sama ada peringkat nasional atau antarabangsa yang diiktiraf oleh Pejabat Pendaftar Francais dari semasa ke semasa. Antara kursus yang perlu dihadiri adalah seperti berikut :

- i. Certified Franchise Executive (CFE) dan Certified Franchise Manager (CFM) atau yang setara dengannya oleh Akademi PERNAS;
- ii. Kursus Malaysia Franchise Express (MyFEX). Sistem pendaftaran francais secara online;
- iii. Kursus oleh Akademi PERNAS yang diiktiraf oleh Pendaftar Francais;

- iv. Kursus yang ditawarkan oleh Persatuan Francais Malaysia (MFA) antaranya;
 - Kursus Asas Perniagaan Francais
 - Kursus Pembangunan Bagi bakal Francaisor
 - Program latihan Bagi Perunding Francais
 - Seminar Akta Francais 1998
 - Program Susulan Bagi bakal Francaisi
- v. Kursus yang disediakan oleh BPFJL;
- vi. Lain-lain kursus berkaitan francais yang diiktiraf oleh Pendaftar Francais dari masa ke semasa.

4.3 Mana-mana syarikat yang berhasrat ingin menawarkan perkhidmatan broker francais atau khidmat nasihat konsultansi francais mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 4.3.1 Syarikat telah berdaftar dibawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat Sdn Bhd; perkongsian liabiliti terhadap (PLT), perkongsian atau milikan tunggal;
- 4.3.2 Seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah mestilah terdiri daripada broker francais atau konsultan francais yang berdaftar di bawah Akta;
- 4.3.3 Syarikat perunding mestilah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000;
- 4.3.4 Bagi syarikat milikan Bumiputera, mestilah telah mempunyai Sijil kewangan dari Kementerian Kewangan Malaysia sebagai syarikat perunding. Senarai kod bidang perunding adalah seperti berikut :
 - 340102 Kajian Penswastan dan Pengkomersilan

- 340103 Kajian Ekonomi
- 340105 Kajian Pemasaran dan Penyelidikan
- 340401 Kajian Kewangan
- 340404 Kajian Pelaburan
- 340901 Kajian Perundangan

Senarai kod bidang diatas adalah setakat Oktober 2013. Senarai ini adalah dinamik dan berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu, konsultan hendaklah sentiasa merujuk ke <http://home.eperolehan.gov.my> untuk senarai terkini.

5.0 Skop Kerja / Perkhidmatan Konsultan Francais

Dalam menetapkan skop kerja / perkhidmatan konsultan francais, konsultan perlu mengambil kira fasa-fasa pembangunan seperti di dalam jadual berikut:

Bil.	Fasa Pembangunan
1.	Fasa I: Fasa Penapisan dan Kajian Konsep perniagaan Meliputi proses kajian sistem perniagaan yang perlu dibangunkan untuk difrancaiskan, pengurusan semula dokumen syarikat terutamanya bagi dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran francais. Konsultan juga perlu mengambil kira proses implementasi sistem-sistem asas yang perlu ada pada setiap perniagaan francais. Konsultan juga perlu menguruskan pendaftaran cap dagangan atau sebarang harta intelek yang dimiliki oleh syarikat sekiranya didapati perlu berbuat demikian.

2.	<p>Fasa II : Fasa Kajian Konsep Francais</p> <p>Fasa ini meliputi penyediaan kertas kajian konsep francais termasuklah proses Audit Kewangan (Due Diligence), Audit Kesediaan Francais (Franchise Readiness Audit), analisa SWOT dan cadangan penambahbaikan serta kesediaan jenama atau logo syarikat.</p>
3.	<p>Fasa III : Penyediaan Outlet Prototaip dan Pembangunan Pakej Francais</p> <p>Meliputi kajian kesesuaian terhadap outlet-outlet yang akan dijadikan prototaip bagi pakej-pakej yang ingin didaftarkan. Fasa ini akan merangkumi proses pembangunan imej korporat (sekiranya diperlukan) dan rekabentuk asas outlet sedia ada untuk dijadikan outlet prototaip bagi pakej yang ingin difrancaiskan.</p>
4.	<p>Fasa IV : Penyediaan Dokumen Pendaftaran Francais</p> <p>Meliputi pembangunan dan penyediaan dokumen permohonan seperti Sampel Perjanjian Francais, Manual Operasi dan manual latihan serta dokumen sokongan lain. Fasa ini juga akan merangkumi proses “<i>on-site Works</i>” dimana konsultan akan menjalankan pemerhatian dan mengekstrak maklumat melalui prosedur kerja di outlet syarikat untuk didokumentasikan. Konsultan juga akan menyediakan dokumen kewngan teraudit mengikut keperluan Pejabat Pendaftar Francais serta menjalankan analisa kewangan dan prospek perniagaan francais untuk francaisi.</p>
5.	<p>Fasa V : Pengemukaan Dokumen Bagi Tujuan Permohonan Pendaftaran Francais di Bawah Akta Francais 1998</p> <p>Meliputi proses pengemukaan dokumen permohonan bagi tujuan pendaftaran francais di bawah Akta Francais 1998. Permohonan</p>

	akan dikemukakan secara atas talian menggunakan sistem MYFEX. Kos yang dicaj oleh konsultan telah mengambil kira jumlah Fi Proses yang perlu dibayar kepada Pejabat Pendaftar Francais sebanyak RM50.00 dan Fi Pendaftaran sebanyak RM1,000. Sekiranya permohonan tidak diluluskan, konsultan tidak boleh mengambil kira bayaran Fi pendaftaran.
6.	Fasa VI : Pelancaran Francais Meliputi kos yang terlibat dalam menjalankan aktiviti pelancaran perniagaan francais.
7.	Fasa VII : Pemantauan Berterusan Francais Konsultan akan membantu dan memantau perkembangan perniagaan francais sehinggalah syarikat berjaya melantik sekurang-kurangnya tiga (3) francaisi.

6.0 FI PENDAFTARAN BROKER FRANCAIS ATAU KONSULTAN FRANCAIS

Kategori	Fi Sekarang
Broker Francais atau Konsultan Francais bagi tempoh 2 tahun (Pendaftaran)	RM50.00 fi pemprosesan RM1,000.00 fi pendaftaran (setelah diluluskan)
Broker Francais atau Konsultan Francais bagi tempoh 2 tahun (Pembaharuan)	RM50.00 fi pemprosesan RM1,000.00 fi pembaharuan (setelah diluluskan)

6.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 6.1 Garis panduan ini adalah berkuatkuasa serta merta dari masa ianya dikeluarkan dan adalah tertakluk kepada sebarang pindaan yang dibuat dari masa ke semasa.

Pendaftar Francais

2022